

B B119 AAB

MAHATHIR

1985

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN SETIAP PEKAN DAN BANDAR DI SELURUH NEGARA MENGADAKAN SEBUAH KAWASAN TANAMAN TUMBUH-TUMBUHAN YANG MEMPUNYAI KAITAN DENGAN KEHIDUPAN MASYARAKAT MALAYSIA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, KETIKA MERASMIKAN MUZIUM KRAF ANTARABANGSA DAN TAMAN KARYANEKA DI SINI HARI INI, BERKATA BAHAWA INI ADALAH PENTING AGAR TUMBUH-TUMBUHAN ITU TERUS KEKAL UNTUK GENERASI YANG AKAN DATANG.

IA JUGA PENTING UNTUK MEWUJUDKAN ALAM PERSEKITARAN YANG INDAH DIPANDANG DI BANDAR-BANDAR NEGARA INI AGAR PENDUDUKNYA DAPAT MENENANGKAN FIKIRAN DARIPADA TEKANAN HIDUP DI KOTA; TAMBAHNYA,

PROSES PEMBANDARAN YANG SEGITU PESAT DI NEGARA INI MENGAKIBATKAN BANDAR-BANDAR KELIHATAN SEPERTI MUTAN BATU DAN JUDAH TENTU TIDAK SESIAPA PUN MENGINGINI KEADAAN SEPERTI INI, KATANYA.

KAWASAN TANAMAN YANG DIMAKSUDKAN OLEH BELIAU IALAH YANG BERCORAK ETHO-BOTANIK MENGANDUNGI TUMBUH-TUMBUHAN YANG BOLEH DIMAKAN, MENGANDUNGI KHASIAT PERUBATAN DAN PELBAGAI KEGUNAAN DALAM KEHIDUPAN SEHARI-HARI MASYARAKAT MALAYSIA. --LAGI

1943MST 08 05 85

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BANYAK TUMBUH-TUMBUHAN YANG BIASA DIMAKAN DAN DILIHAT OLEH ORANG RAMAI SUATU MASA DULU KINI SEKARANG SUKAR DITEMUI DAN TAMAN TUMBUHAN SEPERTI ITU PERLU DIWUJUDKAN.

+WALAU PUN PENGGUNAAN TANAH SAGI TUJUAN ITU MUNGKIN TIDAK MENGUNTUNGGAN PADA PIHAK-PIHAK TERTENTU DARIPADA SEGI EKONOMI, TETAPI KERAJAAN MAHU CIRI TEMPATAN ITU DIKEKALKAN AGAR KITA TIDAK KEHILANGAN PERIBADI,+ KATA BELIAU.

TAMAN KARYANEKA YANG BERCORAK ETHO-BOTANIK SELUAS 0.2 HEKTAR ITU MENGANDUNGI 400 JENIS TUMBUHAN TERMASUK POKOK KUNYIT, CENGKEH, PANDAN DAN POKOK-POKOK YANG MENGANDUNGI KHASIAT PERUBATAN SEPERTI MISAI KUCING DAN LIDAH BATU.

DI TAMAN ITU TERLETAKNYA MUZIUM KRAF ANTARABANGSA YANG MEMPAMERKAN 50 BUAH JENIS KRAFTANGAN DARI NEGARA-NEGARA ASING TERMASUK 10 JENIS DARIPADA +KUMPULAN SRI PERDANA+ SUMBANGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN TAMAN KARYANEKA SEBAGAI SATU DAYA PENARIK KEPADA PARA PELANCONG YANG MEMBELI-BELAH KRAFTANGAN DI PUSAT KARYANEKA.

-- LAGI

1952MST 08 05 85

B B129 4AB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA TAMAN ITU JUGA MEMBERI SATU PANDANGAN YANG ENAK DI TENGAH-TENGAH PENCAKAR-PENCAKAR LANGIT DI IBUKOTA.

MENGENAI KRAFTANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENDUDUK NEGARA INI MEMPUNYAI KEHALUSAN SENI PERTUKANGAN TANGAN.

KATANYA OLEH KERANA KRAFTANGAN KINI MERUPAKAN SATU INDUSTRI, MAKA PENGELUARANNYA TIDAK BOLEH LAGI DILAKUKAN SECARA SAMBIL LEWA TETAPI HENDAKLAH TERSUSUN.

HASIL-HASIL KRAFTANGAN YANG DIKELUARKAN HENDAKLAH MEMPUNYAI MUTU YANG SAMA MENGIKUT PIAWAIAN YANG BAKU, TAMBAH BELIAU.

BELIAU YANG BARU-BARU INI MELAWAT SCANDINAVIA, BERKATA KRAFTANGAN DI SANA BERJAYA MENDAPAT PASARAN ANTARA BANGSA KERANA MEMPUNYAI REKA-BENTUK KEMASKINI YANG MENARIK TANPA MENGENEPIKAN IDENTITI.

KATANYA SEBUAH PERTUBUHAN YANG ADA KAITAN DENGAN KRAFTANGAN DI FINLAND TELAH BERSETUJU UNTUK MEMINJAMKAN PAKAR REKA-BENTUK KEPADA NEGARA INI UNTUK MEMAJUKAN REKA-BENTUK KRAFTANGAN TEMPATAN.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH SELAKU Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Karyaneka dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Datuk Seri Sanusi Junid. --BERNAMA
2015MST 08 05 85